

PERKATAAN BERLAWAN / BERPASANG

PERKATAAN BERLAWAN/BERPASANG (LATIHAN1)

ARAHAN: Pilih perkataan BERLAWAN/BERPASANG dengan perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Barang-barang kemas ibu mereka yang digadai sudah _____ oleh Roslan dan adik-beradiknya.
 (1) dibeli (2) dirampas
 (3) ditawarkan (4) ditebus ()
- 2 Raja dan _____ negeri itu disayangi oleh rakyat mereka.
 (1) sultan (2) permaisuri
 (3) putera (4) puteri ()
- 3 Pesawat yang baru berlepas itu akan _____ di Tokyo kira-kira pada pukul 8.00 malam nanti.
 (1) berhenti (2) mendarat
 (3) menurun (4) menyinggah ()
- 4 Dari pangkal ke _____ jalan masuk ke kampung itu lekak-lekuk.
 (1) hujung (2) pinggir
 (3) sisi (4) tengah ()
- 5 Dahulu Nawi malas belajar tetapi sekarang dia _____ setelah dinasihati oleh ibu bapanya.
 (1) bijak (2) pandai
 (3) rajin (4) selalu ()
- 6 Ahmad menjawab dengan terketar-ketar apabila ayahnya _____ mengapa dia pulang hingga lewat malam.
 (1) menanya (2) menduga
 (3) menuduh (4) menyapa ()

- 7 Pasar yang **sibuk** pada pagi itu _____ pada waktu petang.
 (1) kosong (2) sepi
 (3) lengang (4) tenang ()
- 8 Saya **muntahkan** ubat itu kerana terlalu pahit untuk _____.
 (1) digigit (2) dihadap
 (3) dikunyah (4) ditelan ()
- 9 **Maharaja** dan _____ India itu dijamu oleh Presiden di Istana.
 (1) mahadewa (2) mahaguru
 (3) maharani (4) mahasiswi ()
- 10 Ikan-ikan itu **dijemur** bawah sinaran matahari setelah _____ dalam air garam dan dilomorkan dengan garam halus.
 (1) dibilas (2) diperah
 (3) direndam (4) direnjis ()
- 11 Semasa kami sampai di pantai itu tadi, air laut sedang **surut** tetapi sekarang sudah _____.
 (1) cetek (2) dalam
 (3) naik (4) pasang ()
- 12 Emak ada beberapa buku benang yang **kasar** dan yang _____.
 (1) halus (2) kecil
 (3) kurus (4) tipis ()
- 13 Tembok di **belakang** dan _____ kelas kami ditampalkan dengan gambar-gambar dan poster-poster.
 (1) dalam (2) hadapan
 (3) pinggir (4) sebelah ()

- 14 Setelah puas dicari, saya **jumpa** kucing saya yang _____ itu.
(1) cicir (2) gugur
(3) hilang (4) jatuh ()
- 15 Rambutnya yang **jarang** sudah _____ kerana pakai sejenis ubat.
(1) banyak (2) lebat
(3) panjang (4) tebal ()
- 16 Dalam cerita rekaan itu, seorang puteri raja yang **jelita** telah bersuamikan seorang rakyatnya yang _____.
(1) bantut (2) kerdil
(3) hodoh (4) tegap ()
17. Saya **jarang** ikut ayah saya yang _____ pergi ke Stadium Jalan Besar untuk menyaksikan pertandingan bola sepak.
(1) bebas (2) kerap
(3) sibuk (4) tentu ()
- 18 Di taman haiwan terdapat binatang-binatang **liar** dan _____.
(1) bebas (2) jinak
(3) nakal (4) rakus ()
- 19 Bukan semua bunga berbau **harum**, ada juga yang baunya _____.
(1) busuk (2) hanyir
(3) masam (4) tengik ()
- 20 Orang **buta** itu dipimpin oleh seorang yang _____ untuk melintas jalan raya.
(1) bisu (2) celik
(3) pekak (4) tuli ()

PERKATAAN BERLAWAN/BERPASANG (LATIHAN 2)

ARAHAN: Pilih perkataan **BERLAWAN/BERPASANG** dengan perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Saya tunggu kopi yang panas itu _____ sebelum minumnya.
 (1) beku (2) cair
 (3) dingin (4) sejuk ()

- 2 Botol yang tadinya kosong itu sudah _____ dengan kuih tart.
 (1) banyak (2) kurang
 (3) lebih (4) penuh ()

- 3 Tiang lampu yang tegak di tepi jalan itu _____ dilanggar lori.
 (1) condong (2) kemik
 (3) kendur (4) ranap ()

- 4 Kerani bank yang curang itu telah dipecat dan digantikan dengan seorang yang _____.
 (1) amanah (2) lokek
 (3) rajin (4) tegas ()

- 5 Kapal yang baru belayar tadi akan _____ di Pelabuhan Sydney pada hari Isnin depan.
 (1) berhenti (2) berlabuh
 (3) mendarat (4) menurun ()

- 6 Makanan yang terdedah di atas meja makan itu sudah _____ dengan tudung saji.
 (1) teralas (2) terhidang
 (3) terletak (4) tertutup ()

- 7 Munah rebus daging yang liat itu lagi supaya _____.
(1) empuk (2) garing
(3) layu (4) rangup ()
- 8 Osman yang selalu gagal peperiksaannya telah _____ pada kali ini setelah dibimbing oleh seorang guru tuisyen.
(1) boleh (2) dapat
(3) lulus (4) menang ()
- 9 Mereka yang bekerja pada waktu malam mesti berehat dan tidur pada waktu _____.
(1) pagi (2) petang
(3) senja (4) siang ()
- 10 Sultan Azlan mempunyai seorang putera dan seorang _____.
(1) dayang (2) menteri
(3) puteri (4) raja ()
- 11 Dahulu keluarganya hidup sengsara tetapi sekarang sudah _____ kerana anak-anaknya sudah berjawatan tinggi.
(1) aman (2) kacau
(3) segar (4) senang ()
- 12 Rakyat di negeri itu bergembira kerana seorang pemerintah yang adil telah menggantikan pemerintah yang _____ itu.
(1) garang (2) hodoh
(3) tegas (4) zalim ()
- 13 Walaupun disuruh berbisik, ada yang masih _____.
(1) bersuara (2) berucap
(3) menjerit (4) merapik ()

14 Palang besi yang **bengkok** itu telah digantikan dengan yang ____.

- | | | |
|-----------|-----------|----------|
| (1) baru | (2) kilat | |
| (3) lurus | (4) tegak | () |

15 Adik kecil saya **mendongak** apabila saya suruh dia _____.

- | | | |
|--------------|----------------|----------|
| (1) memaling | (2) menggeleng | |
| (3) menoleh | (4) menunduk | () |

16 Kacang tanah yang **kasar** itu dikisar sehingga _____.

- | | | |
|-----------|-----------|----------|
| (1) halus | (2) kecil | |
| (3) kenit | (4) lumut | () |

17 Halaman di **belakang** dan _____ rumah kami ditanamkan dengan pokok-pokok ubi dan betik.

- | | | |
|-------------|-------------|----------|
| (1) depan | (2) luar | |
| (3) pinggir | (4) sebelah | () |

18 Beberapa orang nelayan yang **hilang** di tengah laut itu telah _____ oleh sebuah kapal dagangan.

- | | | |
|--------------|------------------|----------|
| (1) didapati | (2) dijumpai | |
| (3) dipungut | (4) diselamatkan | () |

19 Parang yang **tumpul** itu akan _____ setelah diasah.

- | | | |
|-----------|-----------|----------|
| (1) bagus | (2) kilat | |
| (3) tajam | (4) tipis | () |

20 Keadan pasar yang **lengang** pada pagi tadi menjadi _____ apabila ramai pelanggan mula datang untuk berbelanja.

- | | | |
|-----------|------------|----------|
| (1) laris | (2) penuh | |
| (3) sibuk | (4) tegang | () |

PERKATAAN BERLAWAN/BERPASANG (LATIHAN 3)

ARAHAN: Pilih perkataan **BERLAWAN/BERPASANG** dengan perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Kamus Dewan kepunyaan kakak saya itu tebal tetapi kamus saya ini _____.
 (1) kecil (2) ringan
 (3) singkat (4) tipis ()
- 2 Badan datuk saya yang tambun itu menjadi _____ kerana penyakit batuk kering.
 (1) berat (2) besar
 (3) kurus (4) tinggi ()
- 3 Encik Gopal sangat sayang pada anjingnya tetapi isterinya _____.
 (1) kasih (2) mesra
 (3) benci (4) cinta ()
- 4 Semua murid dinasihati agar rajin belajar, jangan sekali-kali bersikap _____.
 (1) penat (2) malas
 (3) gigih (4) tekun ()
- 5 Saudagar kain yang kaya itu selalu menolong mereka yang _____.
 (1) bakhil (2) miskin
 (3) tua (4) uzur ()
- 6 Setelah bahagian dalam dewan itu penuh, mereka yang datang lambat disuruh tunggu di _____.
 (1) luar (2) pinggir
 (3) tengah (4) tepi ()

7 Sufi selalu lulus dengan cemerlang kerana dia **tekun** belajar dan tidak _____ semasa belajar.

- | | | |
|-------------|-----------|-----|
| (1) leka | (2) penat | () |
| (3) ponteng | (4) ragu | |

8 Barang tulen lebih **mahal** tetapi yang tiruan ini berharga _____.

- | | | |
|------------|-----------|-----|
| (1) buruk | (2) kecil | () |
| (3) kurang | (4) murah | |

9 Saya suka lihat **penjaja** ikan itu tawar-menawar dengan para _____.

- | | | |
|---------------|---------------|-----|
| (1) pelancong | (2) pelanggan | () |
| (3) pemasak | (4) penjaga | |

10 Rumah Salim **hampir** dengan sekolahnya tetapi _____ dari bandar.

- | | | |
|-------------|----------|-----|
| (1) hujung | (2) jauh | () |
| (3) sebelah | (4) tepi | |

11 Sebaik sahaja saya **sudah** bersarapan saya periksa beg sekolah _____ ke sekolah.

- | | | |
|-------------|---------------|-----|
| (1) apabila | (2) ketika | () |
| (3) sebelum | (4) sementara | |

12 Kami tunggu air laut yang sedang **surut** itu _____ untuk berenang dan bermain-main air.

- | | | |
|------------|------------|-----|
| (1) naik | (2) pasang | () |
| (3) tenang | (4) tinggi | |

13 Negara yang dahulunya **aman-damai** telah menjadi _____ kerana berlakunya peperangan.

- | | | |
|-----------------|------------------|-----|
| (1) calar-balar | (2) huru-hara | () |
| (3) riuh-rendah | (4) sunyi-senyap | |

- 14 Hadiah yang **diberi** kepadanya itu _____ dengan dua belah tangan.
(1) dicapai (2) ditadah
(3) ditarik (4) diterima ()
- 15 Ramai murid tidak dapat **jawapan** yang betul kerana _____ matematik itu sangat susah.
(1) cadangan (2) fahaman
(3) fikiran (4) soalan ()
- 16 Wak Ali menjaja makanan di gerainya dari **pagi** hingga _____.
(1) fajar (2) malam
(3) petang (4) siang ()
- 17 Setelah **berkawan** baik dan sangat rapat, sekarang Ramlee dan Sudin _____ kerana hasutan Aziz.
(1) bergaduh (2) bermusuhan
(3) berpisah (4) bertanding ()
- 18 Anak **sulung** Cik Jah lelaki dan anak _____nya perempuan.
(1) angkat (2) besar
(3) bongsu (4) tunggal ()
- 19 Saya masih tidak **faham** cara-cara menyelesaikan masalah itu tetapi bertambah _____ walaupun sudah diterangkan.
(1) bantut (2) keliru
(3) leka (4) luput ()
- 20 Masalah yang **rumit** itu akan menjadi _____ jika kita gunakan akal.
(1) jelas (2) lancar
(3) mudah (4) sesuai ()

PERKATAAN BERLAWAN/BERPASANG (LATIHAN 4)

ARAHAN: Pilih perkataan BERLAWAN/BERPASANG dengan perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Budak kecil yang sedang ketawa itu tiba-tiba _____ apabila terdengar guruh di langit.
 (1) memekik (2) menangis
 (3) menjerit (4) menyahut ()

- 2 Pokok hari yang mendung amat hari hendak hujan menjadi _____ apabila matahari bersinar.
 (1) cahaya (2) cantik
 (3) cerah (4) ceria ()

- 3 Kami tunggu para penumpang bas itu turun sebelum _____nya.
 (1) lihat (2) masuk
 (3) naik (4) tumpang ()

- 4 Harta karun dalam bangkai kapal di dasar Lautan Cina Selatan itu telah dibawa ke _____ air.
 (1) hilir (2) kuala
 (3) muara (4) permukaan ()

- 5 Suasana riang dalam majlis itu menjadi _____ apabila seorang tamu meninggal dunia kerana serangan jantung.
 (1) duka (2) lena
 (3) senyap (4) tenang ()

- 6 Blok-blok baru akan dibina setelah yang lama _____.
 (1) dihapuskan (2) dipindahkan
 (3) dirobohkan (4) diturunkan ()

- 7 Seluarnya yang **sempit** itu telah digantikan dengan yang _____.
(1) labuh (2) longgar
(3) panjang (4) tebal ()
- 8 Dahulu kerusi meja dalam kelas saya disusun **rapat** tetapi sekarang sudah _____.
(1) besar (2) jarang
(3) jauh (4) renggang ()
- 9 Jalan keluar masuk ke kampung yang **lekak-lekuk** itu telah menjadi _____ setelah dibaiki oleh penduduk kampungnya.
(1) lembut (2) licin
(3) lurus (4) rata ()
- 10 Sayur-mayur yang **segar** pada pagi tadi sudah _____.
(1) busuk (2) hancur
(3) layu (4) pucat ()
- 11 Dahulu saya **takut** pulang ke rumah bersendirian pada waktu malam tetapi sekarang saya sudah _____.
(1) berani (2) ganas
(3) garang (4) girang ()
- 12 Ayah larang saya berenang di bahagian **dalam** kolam renang dan menyuruh saya bermain air di bahagian yang _____.
(1) cetek (2) kurang
(3) surut (4) turun ()
- 13 Kami dipujuk agar **sokong** rancangan itu dan jangan _____nya.
(1) agak (2) bangkang
(3) halang (4) sekat ()

- 14 Salmi enggan **jawab** walaupun ibunya _____nya beberapa kali.
(1) cakap (2) sahut
(3) sapa (4) tanya ()
- 15 Sang Kancil **pintar** menipu haiwan-haiwan lain yang _____.
(1) bodoh (2) hodoh
(3) kecil (4) liar ()
- 16 Air sungai itu mengalir dengan **perlahan** semasa panas tetapi sa
_____ apabila hujan lebat.
(1) bagus (2) deras
(3) laju (4) pantas ()
- 17 Kanak-kanak itu **melaung** dengan kuat walaupun disuruh _____ ke
sudah lewat malam.
(1) berbisik (2) berkata
(3) berleter (4) bertanya ()
- 18 Air kolam di taman itu yang **jernih** pada satu masa dahulu telah me
_____ kerana banyak sampah-sarap.
(1) gelap (2) keruh
(3) pekat (4) tenang ()
- 19 Pasukan saya yang selalu **tewas** telah _____ pada kali ini.
(1) menang (2) naik
(3) seri (4) untung ()
- 20 Pakaian saya yang **berselerak** di dalam almari sudah _____.
(1) beratur (2) berlapis
(3) terletak (4) tersusun ()

PERKATAAN BERLAWAN/BERPASANG (LATIHAN 5)

ARAHAN: Pilih perkataan BERLAWAN/BERPASANG dengan perkataan yang bergaris bawah dalam tiap-tiap item yang diberi. Tulis jawapan anda dalam tanda kurung () yang disediakan.

- 1 Setelah ditimpa musim tengkujuh tahun lepas, kini penduduk kampung itu mengalami musim _____.
 (1) bunga (2) kemarau
 (3) salji (4) sejuk ()
- 2 Majlis keramaian itu diadakan khas untuk janda dan _____ sahaja.
 (1) belia (2) duda
 (3) pemuda (4) teruna ()
- 3 Beberapa orang menggeleng kepala tetapi ada juga yang _____.
 (1) mengangguk (2) mengangkat
 (3) menoleh (4) menunduk ()
- 4 Saudagar yang lokek itu memarahi isterinya yang _____ itu.
 (1) pemerah (2) pemurah
 (3) pengarah (4) peramah ()
- 5 Puan Siti bersikap jujur kepada suaminya dan tidak pernah _____.
 (1) curang (2) degil
 (3) keras (4) senget ()
- 6 Tali lelayang yang tegang itu menjadi _____ apabila tiada tiupan angin.
 (1) halus (2) kendur
 (3) lembut (4) pendek ()

- 7 Bot kertas mainan saya itu **timbul** pada mulanya tetapi _____ setelah basah dan dipenuhi air.
(1) hanyut (2) hilang
(3) lesap (4) tenggelam ()
- 8 Beberapa orang pekerja **menghulur** dan _____ kabel elektrik yang akan ditanam di jalan raya itu.
(1) menghela (2) menjolok
(3) menolak (4) menyorong ()
- 9 Setelah **berjaga** sepanjang malam ibu saya _____ setelah kakak saya tolong menjaga adik bayi saya yang sakit itu.
(1) kenang (2) mimpi
(3) rehat (4) tidur ()
- 10 Tiada orang yang sangka Borhan yang **jahil** semasa mudanya boleh menjadi imam yang _____ di sebuah masjid.
(1) cerdik (2) setia
(3) taat (4) warak ()
- 11 Saya tonton tayangan filem komedi itu dari **awal** hingga _____.
(1) akhir (2) lambat
(3) pangkal (4) tua ()
- 12 Bajunya yang **berkedut** itu menjadi _____ setelah diseterikakan.
(1) lurus (2) licin
(3) kendur (4) rata ()
- 13 Suara penyanyi wanita itu **merdu** tetapi penyanyi lelakinya itu _____.
(1) sengau (2) lantang
(3) garang (4) garau ()

- 14 Kain alas meja itu ditenun dengan benang berwarna-warni yang **halus** dan _____.
 (1) kasar (2) licin
 (3) lembut (4) kesat ()
- 15 Kuah kari yang **tawar** itu menjadi _____ setelah dibubuh terlebih garam.
 (1) masin (2) pahit
 (3) manis (4) pedas ()
- 16 Pendatang tua yang berpakaian kotor-bolor itu **dihina** oleh masyarakat di sini tetapi dia _____ oleh penduduk di kampungnya sendiri.
 (1) didakwa (2) dipangku
 (3) disanjung (4) disokong ()
- 17 Setelah saya **tadah** air hujan itu, saya _____nya di lantai untuk mencuci lantai yang kotor itu.
 (1) campak (2) kocak
 (3) siram (4) tabur ()
- 18 Pemuda yang **ditangkap** polis itu telah _____ kerana didapati tidak bersalah.
 (1) dibebaskan (2) dikeluarkan
 (3) dikirimkan (4) diluahkan ()
- 19 Datuk saya yang **uzur** itu telah _____ setelah mendapat rawatan di hospital.
 (1) ceria (2) elok
 (3) sihat (4) tegap ()
- 20 Bilik darjah yang **riuh** itu menjadi _____ apabila Cikgu Ali lalu di situ.
 (1) gelap (2) kosong
 (3) lengang (4) senyap ()